

64

**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]

**TARIKH :** 12 MAC 2018

**SOALAN :** 27

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini perancangan Kementerian untuk pengasingan dispensari antara farmasi dan klinik dan sejauh manakah pihak Kementerian mengambil kira mengenai peningkatan kos rawatan dan juga kos perubatan apabila proses pengasingan dispensari ini berlaku dan secara tidak langsung akan membebankan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Rang Undang-undang Farmasi (RUUF) telah dipinda semula dan dimuktamadkan untuk mengekalkan sistem sedia ada yang membenarkan kedua-dua profesi iaitu doktor dan ahli farmasi melaksanakan dispensari ubat-ubatan di mana tiada pengasingan tugas pemberian rawatan dan pembekalan ubat antara klinik dan farmasi akan diperuntukkan di bawah RUUF. Dalam hal ini, pesakit boleh memilih sama ada untuk mengambil ubat dari klinik atau meminta doktor supaya mengeluarkan preskripsi bagi mendapatkan ubat-ubatan dari premis farmasi.

RUUF yang dicadangkan itu telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara setelah beberapa siri rundingan diadakan dengan pihak berkepentingan sebelum dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan secepat mungkin. Memandangkan tiada pengasingan dispensari dalam dasar sedia ada, maka tidak timbul isu peningkatan kos rawatan dan juga kos perubatan yang membebankan kepada rakyat.